

31/08/1999

Generasi muda harga kemerdekaan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Tuduhan bahawa generasi muda tidak bersyukur dan gembira terhadap kemerdekaan dan kemajuan negara adalah tidak benar sama sekali, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata memang benar ada sebilangan kecil generasi muda yang bersikap demikian, tetapi majoriti belia gembira menyambut kemerdekaan dalam suasana meriah.

"Mereka menyatakan sokongan kepada kemerdekaan dan pembangunan negara kita," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan perayaan 'Se Abad Malaysia ke Alaf Baru' di Stadium Nasional, Bukit Jalil, malam tadi.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan rakyat Malaysia, termasuk belia supaya bersedia menghadapi cabaran alaf baru dan melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran supaya dapat bersaing dengan negara maju lain.

"Saya berpendapat generasi baru sudah mula memahami tanggungjawab mereka dan ini adalah satu petanda baik," katanya.

Beliau turut menyifatkan sambutan orang ramai terhadap pelancaran majlis itu sebagai luar biasa dan tidak menjangka begitu ramai yang hadir untuk menyaksikannya.

"Tadi saya lihat di luar sana, banyak kereta dan bas dan saya anggarkan ada 20,000 orang di luar stadium, manakala di dalam pula, kira-kira 100,000 orang lagi.

"Nampaknya stadium ini agak kecil. Berbanding sambutan beberapa tahun lalu, sambutan kali ini agak luar biasa.

"Dulu, di Dataran Merdeka memang bilangannya ramai tetapi tidak dapat menampung terlalu ramai orang.

"Oleh itu, saya lihat jumlah yang hadir kali ini lebih besar daripada ketika Sukan Komanwel, tahun lalu," katanya.

Beliau juga menyatakan kemajuan yang dicapai Malaysia sejak merdeka adalah lebih pesat daripada 100 tahun pemerintahan British dulu.

"Nampaknya kita mempunyai kebolehan untuk mentadbir dan membangunkan negara. Malah rakyat nampaknya bersedia untuk sama-sama untuk membangunkan negara.

"Seratus tahun lalu, kita menimba banyak pengalaman selepas dijajah beberapa kali oleh kuasa asing seperti British dan Jepun. Apabila merdeka tidak ada siapa boleh menafikan bahawa suasana pembangunan yang kita kecapai adalah lebih besar.

"Nampak kita mempunyai kebolehan mentadbir dan memajukan negara kita sendiri.

"Nampak rakyat sedia untuk bersama-sama membangunkan negara," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai Belanjawan 2000, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa mengemukakan belanjawan rakyat.

"Kita belanja wang negara untuk rakyat kita. Kita bina lapangan terbang dan stesen janakuasa untuk rakyat, bukan untuk kepentingan diri.

"Begitu juga Menara Petronas. Saya akan memberi penjelasan lanjut mengenainya malam esok," katanya.

Malam esok, Dr Mahathir akan merasmikan Menara Berkembar Petronas.

(END)